

PERKEMBANGAN EMOSI : EMOSI REMAJA DAN PEMBENTUKAN KONSEP KENDIRI (Part 17)

Azizi Hj Yahaya

4.5 Pembentukan Kematangan Remaja

Dunia sosialisasi remaja juga mempengaruhi perkembangan emosi mereka. Semasa remaja, dunia sosialisasi mereka bertambah luas daripada institusi keluarga kepada sekolah dan masyarakat. Ini secara langsung dan tidak langsung membentuk kematangan remaja. Pembentukan kematangan ini mengikut keutamaan. Contohnya, dalam konteks keluarga, remaja memfokuskan kepada perhubungan interpersonal dengan ibu bapa dan adik beradiknya. Pada peringkat awal, remaja ini mungkin lebih bergantung pada keluarga. Kemudian apabila membesar, secara berperingkat, mereka mungkin mengubah keutamaan daripada pergantungan (attachment) keluarga menuju kepada dunia luar yang terdiri daripada komponen rakan sebaya, guru-guru dan ahli masyarakat lain.

Chu dan Powers (1995) pula menyatakan, “Dan kadang-kadang remaja ini perlu melalui beberapa pusingan konflik dan tolak ansur dengan keluarga, guru mereka dan pihak berkuasa yang lain”. Dalam perkembangan sosial ini, remaja melihat rakan sebaya lebih penting daripada keluarga. Peralihan pergantungan, bagi mencapai perkembangan dan kematangan sosial ini, tidak dapat dielakkan. Menurut Erikson (1963), setiap individu mengalami proses kehidupan dan pada masa yang sama remaja menemui krisis kehidupan. Krisis ini, bagi Erikson ‘Masa perkembangan identiti di mana remaja sedang memilih beberapa pilihan yang bermakna’. Ini bermakna remaja perlu memilih bentuk identiti yang sesuai dengan dirinya supaya dapat mengurangkan krisis kehidupan yang tidak dapat dielakkannya.

4.6 Pembentukan Kendiri Ideal dan Kendiri Sebenar Remaja

Kendiri sebenar merujuk keadaan sebenar individu pada masa itu, yang merangkumi personaliti, kebolehan, kemahiran dan pengetahuan yang dimiliki. Sementara konsep kendiri ideal didefinisikan sebagai pandangan individu terhadap dirinya sendiri tentang apa yang dia ingin jadi atau berhasrat untuk memiliki yang mempunyai nilai tertinggi, bersifat positif dan

mulia serta tidak begitu mudah untuk dicapai. Kadangkala kendiri ideal hanya bersifat khayalan dan fantasi sahaja.

Bermula dari diri sebenar, seseorang itu berharap agar dirinya mempunyai potensinya untuk membolehkannya mencapai matlamat sebenar, impian atau cita-citanya. Oleh itu seseorang itu harus mempunyai satu model berkenaan diri yang ideal untuk diikuti atau ditiru, dan akan berusaha keras untuk mencapainya.

Setiap individu mempunyai perbezaan antara konsep kendiri sebenar dan konsep kendiri ideal. Perbezaan itu wujud disebabkan konsep kendiri sebenar ada kelemahan, maka individu berkenaan akan membentuk satu konsep kendiri ideal yang sempurna untuk dicapai. Dalam konteks remaja, jika kedua-dua konsep kendiri itu mempunyai korelasi yang tinggi, remaja berkenaan akan mempunyai penghargaan kendiri yang tinggi, memandang diri dengan selesa dan menerima dirinya sendiri. Sebaliknya jika wujud perbezaan yang nyata dalam kendiri sebenar dan kendiri idealnya akan timbul masalah kepada remaja berkenaan seperti penolakan kendiri yang menghasilkan perasaan kecewa, sedih, bersalah dan hilang keyakinan diri serta hala tuju dalam hidupnya.

Bagi remaja yang normal, mereka mempunyai impian dan harapan tetapi ia bersifat realistik dan boleh diubah. Kejayaan dan kegagalan yang dialami dalam mencapai kendiri ideal akan mempengaruhi perubahan mereka terhadap aspirasi mereka. Sebaliknya bagi remaja yang neurotik lebih banyak mengalami kegagalan kerana konsep kendiri ideal mereka tidak sepadan dengan konsep kendiri sebenar mereka.

Oleh itu , peranan orang-orang yang signifikan seperti guru dan ibu bapa serta rakan sebaya ialah untuk membekalkan individu remaja dengan informasi yang sah dan sahih untuk memudahkan remaja membentuk persepsi yang betul, tepat, memadai dan nilai sebenar untuk kendirinya (Azizi et. Al., 2005) Oleh itu individu remaja akan membentuk keniri ideal yang lebih realistik.

Dalam situasi sekolah, fungsi guru adalah untuk membekalkan refleksi yang betul, interpretasi dan informasi yang membolehkan pelajar mengasaskan idea, matlamat dan wawasan berkenaan kendiri berdasarkan kepada nilai yang realistik.